

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEMBINAAN SEMULA KANTIN DI
SEKOLAH KEBANGSAAN (LKTP) KAMPUNG AWAH, MARAN,
PAHANG**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada laporan oleh akhbar Utusan Malaysia pada 10 Februari 2023 berhubung isu kerosakan kantin di Sekolah Kebangsaan (LKTP) Kampung Awah, Maran, Pahang menyebabkan 230 orang murid terpaksa makan merata-rata termasuk di tepi longkang.

KPM sentiasa cakna dan prihatin terhadap isu yang melibatkan soal kebajikan dan keselamatan murid. Sebagai makluman, projek tersebut berada dalam senarai 74 projek daif yang diperakukan oleh KPM untuk *Rolling Plan* ke-3 (RP3) tahun 2023 dan kelulusan projek tertakluk kepada pembentangan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023.

Hal yang demikian melibatkan skop untuk merobohkan bangunan daif sedia ada dan membina semula bangunan baharu termasuk kantin dan lain-lain kemudahan mengikut piawaian dan mesra OKU, perolehan peralatan dan kelengkapan baharu serta menambah baik kemudahan infrastruktur sedia ada.

Walau bagaimanapun, sementara menunggu pembinaan semula kemudahan tersebut, pihak sekolah sejak awal lagi telah meletakkan pita larangan memasuki kawasan tersebut atas faktor keselamatan berikutan telah diisytiharkan tidak selamat oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Selain itu, pihak sekolah juga telah menyediakan khemah khas digunakan oleh murid dan guru semasa waktu rehat.

KPM sentiasa komited untuk memastikan sekolah berada dalam keadaan baik, selamat dan kondusif untuk keselesaan semua murid dan guru.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

13 FEBRUARI 2023